

08/05/2002

Reaksi berbeza syor wujud sekolah aliran Inggeris

KUALA LUMPUR, Selasa - Cadangan mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris untuk meningkatkan penguasaan bahasa itu di kalangan pelajar dan rakyat mendapat reaksi berbeza pelbagai pihak.

Kebanyakan yang membantah bimbang kepentingan bahasa Melayu akan berkurangan, manakala yang bersetuju pula berpendapat ia bagi membolehkan rakyat menguasai bahasa Inggeris untuk menghadapi saingan era globalisasi.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berharap kerajaan mempertimbangkan penggunaan bahasa Inggeris dalam beberapa mata pelajaran di setiap sekolah kebangsaan.

"Penggunaan dwi-bahasa di sekolah kebangsaan lebih sesuai kerana langkah mewujudkan satu lagi aliran akan menjejaskan usaha memupuk integrasi nasional.

"Pemuda UMNO tidak menyangkal fungsi bahasa Inggeris dalam revolusi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta globalisasi. Kami juga yakin akan berlaku lambakan maklumat hingga tidak memungkinkan usaha penterjemahan dilakukan cepat dan berkesan," katanya.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan sedia mewujudkan semula sistem sekolah aliran Inggeris jika rakyat mahukannya.

Di KEDAH, Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yang menyokong cadangan itu meminta bahasa Inggeris diletakkan sebagai bahasa kedua selepas bahasa Melayu yang menjadi bahasa rasmi dan identiti rakyat Malaysia.

"Dengan menguasai bahasa Inggeris, masyarakat kita mampu menguasai pelbagai ilmu, sekali gus menjadikan bangsa kita berdaya saing pada peringkat antarabangsa," katanya.

Di MELAKA, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan negeri, Datuk Long Md Said, mencadangkan kerajaan mempertingkatkan sistem pendidikan peringkat sekolah rendah dan menengah bagi membolehkan pelajar menguasai bahasa Inggeris.

Beliau berkata, selain guru yang mahir dan berkelayakan, alat bantu mengajar perlu diperbanyakkan bagi menggalakkan pelajar menggunakan bahasa Inggeris.

Di SEREMBAN, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Penerangan dan Pendidikan negeri, Zakaria Nordin mencadangkan kerajaan menempatkan lebih banyak guru berkelayakan, terutama di sekolah luar bandar serta menambah kemudahan pembelajaran.

Sementara itu, tinjauan Berita Harian, mendapati ramai menyokong cadangan itu bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan rakyat.

Koordinator Promosi, Nor Shamsiah Bujang, 32, bersetuju dengan penubuhan sekolah aliran Inggeris sebagai langkah memberi pendedahan awal kepada pelajar.

(END)